

Obama akan melawat Malaysia kali kedua bulan depan
Malaysian Insider
Oct 27, 2015

Presiden Amerika Syarikat (AS) Barack Obama akan ke Turki bagi menyertai Sidang Kemuncak G20, diikuti lawatan ke Filipina dan Malaysia pada November, kata Rumah Putih.

Pada Sidang Kemuncak G20, Obama akan menyemarakkan usaha antarabangsa bagi memastikan wujudnya pertumbuhan ekonomi dunia yang mapan dan kukuh, kata Jurucakap Rumah Putih Josh Earnest dalam kenyataan itu.

Obama pertama kali melawat Malaysia pada 2013.

Presiden AS itu juga mempunyai hubungan baik dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.- 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/obama-akan-melawat-malaysia-kali-kedua-bulan-depan>